



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 8 JANUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	MGNEWS: 1,000 STESEN PETRONAS AKAN ADA OUTLET "SEGAR@MESRA", ONLINE, MALAYSIA GAZETTE PDB TAWAR PRODUK SEJUK BEKU, EKONOMI, UM -35 IKAN, SAYUR DI KEDAI MESRA PETRONAS, NIAGA, KOSMO -37 PETRONAS TAWAR PRODUK SEJUK BEKU HARGA PATUT, BISNES, BH -42	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	TINJAU KEINDAHAN TANAM ANGGUR, KOMUNITI KITA, UM -42	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
6.	DUA EKOR PENYU DITEMUI MATI, NEGERI PERAK/N9/KEDAH, SH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	BERI KERJASAMA PENUH SIASATAN KARTEL DAGING HARAM, ONLINE, HM MAQIS OFFICERS HELD OVER HALAL MEAT SCANDAL, NATION, THE STAR -10 DUA PEGAWAI MAQIS JOHOR PULA DIREMAN, NEGARA, KOSMO -3 DUA PEGAWAI MAQIS DIREMAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -19 DUA PEGAWAI MAQIS DIREMAN LIMA HARI, LOKAL, HM -8 2 PEGAWAI MAQIS DIREMAN, NASIONAL, BH -3 PERMINTAAN DAGING SEJUK BEKU TEMPATAN SANGAI TINGGI, NASIONAL, BH -3 MACC DETAINS 2 MAQIS OFFICERS, NATION/NEWS, NST -5 DUA PEGAWAI MAQIS DIREMAN LIMA HARI, DALAM NEGERI, UM -12 AMBIL IKTIBAR KES KARTEL DAGING IMPORT, PERKASA SEKTOR HALAL, MUKA SEPULUH, BH -10	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
17. 18.	SYARIKAT GUNA LOGO JAKIM DIBATALKAN RUGI RM1.49 JUTA, NASIONAL, BH -3 PUPUK MINAT INDUSTRI TERNAK SEJAK PERINGKAT SEKOLAH, MINDA PEMBACA, BH -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## MGNEWS : 1,000 STESEN PETRONAS AKAN ADA OUTLET "SEGAR@MESRA"



Petronas Dagangan Bhd (PDB) memperkenalkan jualan Segar@Mesra, yang menawarkan produk sejuk beku dengan harga berpatutan bagi menangani kos sara hidup rakyat.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azrul Osman Rani berkata, jualan Segar@Mesra merupakan program terbaharu dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

# PDB tawar produk sejuk beku

**KUALA LUMPUR:** Petronas Da-gangan Berhad (PDB) dengan kerjasama Kementerian Per-dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melancarkan program *Segar@Mesra* di Kedai Mesra Petro-nas.

Menerusi kerjasama tersebut, orang ramai boleh mendapatkan produk-produk segar beku klu-susnya bagi produk tempatan termasuk sayur-sayuran, terma-kan, hasil laut dan buah-buahan pada harga berpatutan.

Menurut Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PDB, Azrul Osman Rani, untuk fasa percubaan, empat buah stesen Kedai Mesra Petronas telah dipilih iaitu di Unikeb 2, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi; Persiaran Jaya/Sungai Ramal Dalam; Prima Saujana 2, Kajang dan Pelangi Semenyih.

Katanya, kesemua stesen tersebut dipilih secara strate-gik berdasarkan profil persekitaran komuniti yang disasarkan terutamanya golongan isi ru-mah berpendapatan sederhana (M40) dan rendah (B40).

Beliau berkata, buat masa ini, terdapat kira-kira 46 unit simpanan stok (SKU) ditawar-kan termasuk sayur, buah, ikan dan ayam pada harga jualan kompetitif.



**ALEXANDER Nanta Linggi (kini), Ronald Khandee (dua kanan) pada majlis pelancaran program Segar @ Mesra di stesen minyak Petronas Prima Saujana 2 Kajang, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN**

“Kita akan bekerjasama dengan pihak KPDNHEP dan MAFI sama ada untuk menambah bi-langan SKU pada masa hadapan ,tetapi itu semua akan dianali-sis berdasarkan permintaan.

“Program ini membuka pe-luang bukan hanya kepada Pet-ronas untuk turut sama mem-bantu petani dan penternak memasarkan produk mereka, malah buat rakyat Malaysia umumnya menyokong industri pertanian tempatan,” katanya

kepada pemberita selepas ma-jlis pelancaran *Segar@Mesra* di Stesen Petronas Prima Saujana 2, Kajang dekat sini semalam.

Hadir sama menyempurna-kan majlis tersebut ialah Men-teri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Da-tuk Seri Alexander Nanta Linggi serta Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Khandee.

Mengulas lanjut, Azrul tidak menolak kemungkinan untuk

meluaskan lagi program terse-but ke lebih 750 Kedai Mesra Petronas seluruh negara sekiranya memperoleh permintaan menggalakkan.

“Sekarang ini cara kita ber-operasi adalah mendengar ke-mahuan pelanggan. Kita akan lihat kepada permintaan kerana program ini baru dilancarkan. Sekiranya menggalakkan, kita akan lihat kepada sasaran un-tuk memperluaskan ke Kedai Mesra lain,” katanya.

# Ikan, sayur di Kedai Mesra Petronas

Oleh IKHWAN IDERIS

**KAJANG** - Orang ramai kini boleh mendapatkan bekalan produk makanan segar di Kedai Mesra Petronas menerusi pelancaran program Segar@Mesra dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Buat permulaan, empat buah stesen Petronas terlibat dalam program berkenaan iaitu Stesen Petronas Umikab 2, Seksyen 4 Bandar Baru Bangi; Stesen Petronas Persiaran Jaya, Sungai Ramal Dalam; Stesen Petronas Prima Saujana 2, Kajang dan Stesen Petronas Pelangi Semenyih.

Kualiti dan kesegaran barangan dijamin kerana pembekalnya terdiri daripada agensi di bawah MAFI iaitu Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

Ketua Pegawai Eksekutif/Pe-



**KIANDEE (tengah) bersama Nanta Linggi (kanan) bersama Rosol menunjukkan produk hasil pertanian dan penternakan di Stesen Petronas Prima Saujana 2, Kajang semalam.**

ngarah Urusan Petronas Dagangan Berhad., Azrul Osman Rami berkata, terdapat kira-kira 46 unit simpanan stok (SKU) ditawarkan termasuk sayur, buah, ikan dan ayam

pada harga jualan kompetitif.

"Program ini membuka peluang bukaan hanya kepada Petronas untuk turut sama membantu petani dan penternak memasarkan

produk mereka, malah buat rakyat Malaysia amnya menyokong industri pertanian tempatan.

"Kami akan meneliti dan mendengar suara pelanggan un-

tuk tindakan seterusnya, sama ada untuk memperluaskan program ini atau menambah bilangan SKU yang ditawarkan," katanya.

Bellau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran Segar@Mesra di Stesen Petronas Prima Saujana 2 di sini semalam.

Turut hadir Menteri MAFI, Datuk Seri Ronald Kiandee; Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Timbalannya, Datuk Rosol Wahid serta Naib Presiden Pemasaran Hiliran Petronas, Ahmad Adly Alias.

Menurut Ahmad Adly, pihaknya telah melancarkan Mekan@Mesra baru-baru ini yang menawarkan hidangan tempatan pada harga berpatutan bagi memenuhi keperluan pelanggan dan kini ditawarkan Kedai Mesra diperluaskan dengan Segar@Mesra.

"Menggunakan dua platform ini, Kedai Mesra Petronas berpotensi menjadi pusat kemudahan sebhnti untuk semua pelanggan kami," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2021	BERITA HARIAN	BISNES	38

# PETRONAS tawar produk sejuk beku harga patut

Bantu petani, penternak pasar barangan, tangani kos sara hidup rakyat

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Petronas Dagangan Bhd (PDB)** memperkenalkan Segar@Mesra, yang menawarkan produk sejuk beku dengan harga berpatutan bagi menangani kos sara hidup rakyat.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azrul Osman Rani, berkata Segar@Mesra adalah program terbaru dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Beliau berkata, program daripada pengeluar kepada pengguna ini bertujuan membantu pengeluar, petani dan penternak untuk meningkatkan hasil pendapatan dengan memasarkan secara terus di Kedai Mesra PETRONAS.

"Bagi fasa percubaan ini, Segar@Mesra akan berada di empat stesen minyak PETRONAS di Unikeb 2, Bandar Baru Bangi; Persiaran Jaya Sungai Ramal Dalam; Prima Saujana 2, Kajang dan Pelangi Semenyih.

"Kami akan lihat bagaimana



Alexander (dua dari kanan) dan Ronald (dua dari kiri) menunjukkan produk segar pada Majlis Pelancaran Program Segar@Mesra di Kajang, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

sambutan daripada pelanggan terlebih dulu sebelum memperluaskannya ke lebih 750 rangkaian Kedai Mesra.

"Fokus utama Segar@Mesra adalah membantu golongan B40 dan M40 dalam mendapatkan produk sejuk beku seperti ayam, ikan, daging, buah dan sayuran pada harga yang rendah.

"Ketika ini Segar@Mesra mempunyai sekitar 50 produk keluaran tempatan," katanya selepas majlis perasmian Segar@Mesra di Kajang, semalam.

Majlis dirasmikan oleh Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ro-

nald Khande.

Mengulas lanjut, Azrul berkata, PETRONAS sentiasa komited membawa impak sosial sebagai sebahagian daripada agenda kemampunan kumpulan.

Beliau berkata, program terbaru ini juga sejajar dengan fokus memperluaskan penyelesaian makanan dan minuman kepada pelanggan seiring dengan pengembangan perniagaan PDB di seluruh negara.

Katanya, bagi menggalakkan sokongan kepada Segar@Mesra, 10,000 pelanggan terawal berpeluang menerima pulangan tunai RM2 apabila membuat pembelian barangan Segar@Mesra minimum RM20

melalui aplikasi Setel.

Ditanya jika Segar@Mesra bakal memberi sumbangan pendapatan baharu kepada PDB, Azrul berkata ketika ini peratusan daripada program itu masih rendah.

"Ketika ini sumbangannya masih kecil tetapi kita tidak dapat menolak kemungkinan jika Segar@Mesra bakal menjadi antara penyumbang utama kepada pendapatan kumpulan.

"Ia bergantung kepada permintaan pelanggan. Produk Segar@Mesra juga masih belum muktamad sepenuhnya. Jika ada produk yang tidak mendapat permintaan tinggi, kita akan gantikan dengan produk lain," katanya.

## Tinjau keindahan Taman Anggur

RAJA Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat meninjau kemudahan yang disediakan di Taman Anggur Jabatan Pertanian Negeri Perlis yang kembali dibuka untuk menerima kunjungan orang ramai dan dijenamakan semula sebagai Taman Buah-Buahan Eksotik Perlis.

Taman seluas sembilan hektar yang terletak bersebelahan dengan Kelab Golf Putra Perlis Sungai Batu Pahat itu dibuka kembali pada 1 Januari lalu. Buat permulaan sebagai tempoh promosi, belum ada sebarang tiket bayaran masuk dikenakan.

Mengiringi Tuanku Syed Faizuddin meninjau taman anggur tersebut ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Azman Mohd. Yusof; Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMap), Prof. Dr R. Badlishah Ahmad dan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Perlis, Ir. Syed Zubir Syed Husin.

Antara yang menjadi tumpuan di situ ialah laman anggur yang buat masa ini + mempunyai sembilan jenis dan



varietinya akan ditambah pada masa akan datang.

Putra Jamalullail (kanan) meninjau Taman Anggur di Batu Pahat, Perlis, baru-baru ini.

■ TUANKU Syed Faizuddin

8/1/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
PERAK/N9/  
KEDAH

21

# Dua ekor penyu ditemui mati

Spesies agar, karah  
berusia lebih 20 tahun

Oleh SYAMILAH ZULKIPLI

PORT DICKSON

**D**ua penyu spesies agar dan karah berusia lebih 20 tahun ditemui mati di perairan Port Dickson dalam tempoh kurang dua minggu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, penyu agar dianggarkan seberat 120 kilogram (kg) itu ditemui di Pantai Teluk Kemang, manakala penyu karah seberat 69kg ditemui di Batu 10 di sini.

"Seekor dijumpai pada 27 Disember lepas dan seekor lagi pada Selasa. Keadaan bangkai sudah reput teruk dan penyebab kematian tidak dapat dipastikan.

"Pemeriksaan mendapati tiada sebarang kesan kecederaan pada penyu berkenaan dan kita tidak pasti punca kematiannya," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Beliau berkata, reptilia ma-



FOTO: FOTO: FS JABATAN PERIKANAN NEGERI SEMBILAN

Penyu berusia lebih 20 tahun ditemui mati di pantai Port Dickson.

rin terancam itu wujud dalam populasi yang sedikit di Negeri Sembilan dan penting untuk dipelihara.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai supaya prihatin dengan tidak mengganggu penyu itu terutama jika menemuinya sedang naik ke pantai untuk bertelur dan tidak mengambil telurinya.

"Sabit kesalahan atas perbuatan tidak bertanggungjawab itu boleh dikenakan denda maksi-

mum RM20,000 atau penjara maksimum 2 tahun atau keduanya di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Penyu dan Telur Penyu) 1976 Negeri Sembilan dan Akta Perikanan 1985.

"Kita sangat berharap orang ramai yang menjumpai penyu mati atau cedera untuk hubungi talian 06-6472050 atau 06-6621089 atau menghantar mesej di laman rasmi Facebook Jabatan Perikanan Negeri Sembilan untuk tindakan lanjut," katanya.



## PENYU AGAR

- Turut dikenali sebagai penyu hijau atau *green sea turtle*
- Berukuran kira-kira 1.2m panjang
- Berat boleh mencecah 270kg ke atas
- Musim bertelur antara April hingga September



## PENYU KARAH

- Juga dikenali sebagai penyu sisik atau *hawksbill sea turtle*
- Berukuran antara 0.8 hingga 1m panjang
- Berat boleh mencecah 80kg
- Musim bertelur antara Mac hingga Jun

## INFO

- Jangka hayat seekor penyu boleh mencecah antara 80 hingga 100 tahun
- Mampu bertelur antara 100 hingga 140 biji

- Penyu ambil masa hampir dua jam menggali lubang besar sebelum
- Anak penyu betina pulang semula ke pantai sama kira-kira 20 hingga 30 tahun selepas menetas

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## BERI KERJASAMA PENUH SIASATAN KARTEL DAGING HARAM



Kajang: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan memberikan kerjasama penuh dalam siasatan membabitkan kartel daging import haram.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihaknya tidak akan melindungi kakitangan atau pegawai di kementerian

berkenaan yang terbabit dalam kartel daging import terbabit.

Katanya, siasatan penuh perlu dilakukan untuk mengesan dalang yang bertanggungjawab melakukan kesalahan ini.

"Mafi juga mahu tahu punca masalah dan bagaimana masalah ini dapat diselesaikan.

"Kartel daging tidak halal ini menyeludup masuk bekalan, namun bekalan daging import lain melalui permit import (AP) yang sah selain diperakui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya dalam sidang media selepas majlis perasmian [Segar@Mesra](#) di Stesen Petronas Prima Saujana 2, di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Timbalannya Datuk Rosol Wahid dan Naib Presiden (Pemasaran) Petronas, Ahmad Adly Alias.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, hari ini menahan dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor kerana disyaki terbabit dengan kegiatan rasuah berhubung isu aktiviti penyeludupan daging sejuk beku dari negara yang dilarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

Kedua-dua pegawai berusia 27 dan 31 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Johor bagi membantu siasatan, malam semalam.

Mengulas lanjut mengenai [Segar@Mesra](#), Ronald berkata, golongan petani, penternak dan nelayan boleh menambah saluran pemasaran produk mereka tanpa kebergantungan kepada orang tengah.

"[Segar@Mesra](#) ini adalah satu peluang cukup baik dalam membuka ruang pasaran baru kepada hasil pertanian sekali gus membantu meningkatkan pendapatan usahawan petani, penternak dan nelayan.

"Mafi sentiasa komited dalam meningkatkan taraf hidup golongan ini selain pelbagai dasar dan strategi dirangka bagi meningkatkan pendapatan dan membantu pengguna menikmati harga barang keperluan lebih murah," katanya.



## Maqis officers held over halal meat scandal

**JOHOR BARU:** Two Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) officers have been arrested here in connection with the meat cartel scandal.

The duo, aged 27 and 31, were picked up by Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) officers at about 11pm on Wednesday for alleged bribery involving smuggling of raw frozen food from countries not in the approved list.

Johor Baru Magistrate's Court assistant registrar Nur Izzaty Muhammad Zahari said the two suspects would be remanded for five days.

The case is being investigated under Section 17(a) of the MACC 2009 Act.

Johor MACC director Datuk Azmi Alias confirmed the arrest but declined further comment.

Meanwhile, four people, including a frozen meat importing company director, who were remanded for four days from Monday, were released under MACC bail of RM10,000 each.

The other suspects are an operations director, clerk and director of a wholesale company.

The authorities recently busted a cartel smuggling meat, and repackaging it with a halal logo.

A raid was carried out at a warehouse in Senai, Johor, where 1,500 tonnes of frozen meat worth RM30mil were seized.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2021	KOSMO	NEGARA	3

Disyaki terima rasuah daripada penyeludup daging

# Dua pegawai Maqis Johor pula direman

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

**JOHOR BAHRU** – Dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor direman selama lima hari bermula semalam selepas disyaki terlibat dengan sindiket kartel daging sejuk beku import yang didedahkan awal Disember tahun lalu.

Perintah reman ke atas kedua-dua suspek berusia 27 dan 31 tahun itu dikeluarkan Penolong Pendaftar, Nur Izzaty Muhammad Zahari di Mahkamah Majistret Johor Bahru di sini.

Kedua-dua suspek dipercayai bersekongkol dengan syarikat yang didakwa kartel daging sejuk beku dari negara yang tidak dibenarkan oleh Malaysia.

Mereka merupakan pegawai Maqis yang bertugas di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah di sini.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, Datuk Azmi Alias memaklumkan kedua-dua suspek ditahan di Ibu Pejabat SPRM negeri pada pukul 11 malam kelmarin.

“Mereka disyaki menerima rasuah bagi aktiviti penyeludupan bahan mentah sejuk beku dari negara yang dilarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

“Mereka ditahan bagi membantu siasatan yang dijalankan pihak berkuasa,” katanya dalam satu kenyataan ringkas di sini semalam.

Kedua-dua suspek yang ditahan disiasat mengikut Seksyen



**DUA pegawai Maqis Johor direman lima hari di Mahkamah Majistret Johor Bahru bagi membantu siasatan berkaitan kartel daging import sejuk beku.**



**LAPORAN Kosmo/ 5 Januari 2021.**

17(a) Akta SPRM 2009 atas tuduhan menerima rasuah.

Pada 2 Disember lalu, Maqis mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa

sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Sementara itu, empat individu lain melibatkan tiga pengarah syarikat dan seorang kerani yang direman selama empat hari ber-sabit skandal sama telah dibebaskan semalam dengan jaminan SPRM selepas tempoh reman tamat.

Kesemua mereka membayar ikat jamin RM10,000 setiap seorang.

Kesemua suspek yang berusia antara 39 hingga 50 tahun itu dikenakan perintah reman selama empat hari bermula Isnin lalu oleh Mahkamah Majistret di sini.

# Dua pegawai Maqis direman

Bantu siasatan rasuah lindungi kartel daging seludup

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

## JOHOR BAHRU

**D**ua Pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor yang disiasat kerana disyaki terlibat rasuah dalam melindungi kegiatan kartel import daging

haram ditahan reman selama lima hari bermula Khamis.

Pendaftar Mahkamah, Nur Izzaty Muhammad Zahari membenarkan permohonan reman yang dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor di Mahkamah Khas Reman di sini.

Pegawai berusia 27 dan 31 tahun itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 atas tuduhan menerima rasuah.

Terdahulu, kedua-duanya yang merupakan Penolong Pegawai Maqis Johor tiba di perkarangan kompleks mahkamah kira-kira jam 9.30 pagi dengan

berpakaian baju lokap SPRM.

Mereka ditahan di Pejabat SPRM Johor di sini pada jam 11 malam Rabu bagi membantu siasatan kes kartel import daging haram.

Pada 2 Disember lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan khas membongkar kegiatan kartel mengimport daging dari beberapa negara yang tidak halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual dan dibekalkan di pasaran tempatan.

Serbuhan dilakukan Maqis bersama-sama agensi lain di sebuah stor di Skudai dekat sini, sekali gus mendedahkan kegiatan itu yang mengemparkan seluruh negara.



Dua Penolong Pegawai Maqis Johor dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru pada Khamis untuk mendapatkan perintah reman bagi membantu siasatan kes kartel import daging haram.

**4**  
 Bilangan individu syarikat pengimport daging sejuk beku ditahan Isnin lalu

Oleh Mohamed Farid Noh  
 farid\_noh@bb.com.my

**Johor Bahru**

**D**ua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan berkaitan kartel daging sejuk beku.

Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Izzaty Muhammad Zahari membenarkan perintah reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan pagi semalam.

Kedua-dua pegawai Maqis berusia 27 dan 31 tahun itu direman mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi berkata, kedua-dua pegawai Maqis berkenaan ditahan di Pejabat SPRM Johor 11 malam kelmarin.

Isnin lalu, seorang pengarah dan tiga pekerja syarikat pengimport



PEGAWAI SPRM Johor membawa dua pegawai Maqis Johor keluar dari Mahkamah Majistret Johor Bahru selepas mendapati bahawa reman lima hari bermula semalam hingga Isnin depan.

# Dua pegawai Maqis direman lima hari

**Bantu siasatan SPRM berkaitan kartel daging sejuk beku**

daging sejuk beku di sini, hingga 50 tahun dibenarkan pengarah syarikat empat hari berakhir hari ini. Semua mereka yang direman itu berusia antara 39 dan 50 tahun. Seorang lagi pengarah syarikat rikat lain. Bagaimanapun, mereka dilepaskan dengan jaminan SPRM Johor. Media sebelum ini melaporkan mengenai kartel daging import yang dipercayai membawa masuk daging yang diragui status halal.

Isu kartel daging import

# 2 pegawai MAQIS direman

Penahanan bantu  
siasatan kes  
daging import  
diragui status  
halal, kualiti

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor direman lima hari bermula semalam sehingga Isnin depan.

Percintah reman itu dikeluarkan Penolong Pendafatar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Izzaty Muhammad Zahari susulan permohonan Suruhanjaya Pengegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Kedua-dua pegawai MAQIS terlibat, masing-masing berusia 27 dan 31 tahun direman mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 bagi siasatan lanjut.

Penahanan mereka dipercayai ada kaitan dengan kes daging import yang diragui status halal dan kualitinya yang dibawa masuk ke negara ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Daim Azmi Alias ketika dihubungi berkata, ke-



Dua pegawai MAQIS dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Johor Bahru, semalam. (Foto ihsan SPRM)

dua-dua pegawai MAQIS berkenaan ditahan di Pejabat SPRM Johor malam kelmarin.

"Kedua-dua pegawai MAQIS yang direman itu ditahan di Pejabat SPRM Johor jam 11 malam tadi (kelmarin), bagi membantu siasatan," katanya.

Isnin lalu, seorang pengarah dan dua pekerja sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku bersama seorang pengarah sya-

rikat pengimport daging sejuk beku berasingan, direman empat hari yang berakhir semalam.

Mereka yang berusia 39 hingga 50 tahun itu masing-masing adalah pengarah, pengarah operasi dan kerani sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku di sini.

Seorang lagi adalah pengarah syarikat berasingan yang menjalankan perniagaan sama.

Tiga lelaki dan seorang wanita

itu bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan RM10,000 setiap seorang, semalam.

Isu daging import mula mendapat perhatian ramai selepas media baru-baru ini melaporkan taktik kartel menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula daging berkenaan dengan menggunakan logo halal dan menjual di pasaran seluruh Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

## Permintaan daging sejuk beku tempatan sangat tinggi

**Sintok:** Isu kartel daging import yang hangat diperkatakan pada masa ini membuatkan permintaan terhadap daging sejuk beku pada masa ini sangat tinggi dan pengguna kini sangat peka mengenai status halal daging.

Keadaan itu memberi suntikan semangat kepada Zainol Abidin Mohamad yang mengusahakan ladang ternakan lembu dan kambing tempatan, untuk menjadi antara pembekal daging sejuk beku tempatan halal utama di negara ini.

Melalui syarikat Fatimah MZ Agro Farm Sdn Bhd di sini, Zainol Abidin yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, berkata ladang mereka yang 100 peratus milik Muslim, turut memelihara rusa, itik Muscovy, ayam kampung, ayam mutiara, ayam pirus serta yang terkini, arnab.

"Jika daging sejuk beku adalah keluaran tempatan dan membabitkan urusan niaga yang 'berakad', saya pasti pengguna akan lebih yakin dengan status halal daging itu dan inilah yang mendorong saya untuk menjalankan perusahaan ini," katanya.

Ketika ditemui BERNAMA di ladangnya di Mukim Temin, dekat sini, beliau berkata, kapasiti maksimum bagi ternakan lembu di ladangnya dalam satu masa boleh mencecah 1,000 ekor; manakala kandang kambing pula boleh menampung sehingga 2,000 ekor dan arnab sebanyak 5,000 ekor.

Beliau berkata, pihaknya juga dalam usaha untuk menyediakan kawasan ragut di ladang yang mempunyai keluasan keseluruhan lebih 4.04 hektar yang diusahakan sejak Februari tahun lalu itu.

"Kami juga sangat berharap agar kerajaan dapat membantu menyediakan tempat ragut berikutan kini kami membeli dedak dari luar dan kosnya sangat tinggi. Kalau kerajaan dapat membantu, kos akan menjadi lebih rendah dan kami boleh menjual ternakan pada harga lebih rendah.

"Dari segi infrastruktur kandang dan sistem saliran di ladang, kami berharap agar dibantu supaya dapat ditambah baik kerana kami mementingkan kualiti ternakan. Ternakan kami juga hanya minum air mineral, bukan terus daripada paip biasa," katanya.

Mengenai sasaran jualan ternakan di ladangnya untuk tahun ini, Zainol Abidin berkata pihaknya menjangka mampu menjual 500 lembu dan 1,000 kambing pada Aidiladha. BERNAMA

## MEAT CARTEL CASE

# MACC DETAINS 2 MAQIS OFFICERS

Suspects aged 27 and 31 accused of accepting bribes for smuggling activities remanded for 5 days

## JOHOR BARU

**T**WO officers from the state's Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) who were detained on Wednesday to assist in the investigation of the frozen meat cartel case, were remanded for five days, starting yesterday.

Bernama reported that the remand order until Jan 11 was issued by the Johor Baru Subordinate Courts' Assistant Registrar Nur Izzaty Muhammad Zahari after allowing the remand applications by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

The remand period would allow the two suspects, aged 27 and 31, to be further investigated under Section 17 (a) of the MACC Act 2009.

The two, who were stationed at the Port of Tanjung Petepas, Gelang Patah in Iskandar Puteri, near here, were detained at the



A Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) officer escorting the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department officers out of the magistrate's court in Johor Baru yesterday. PIC COURTESY OF JOHOR MACC

certified meat and selling it as halal meat in Malaysia.

The cartel had reportedly been operating for over 40 years and imported meat from non-halal-certified slaughterhouses in a few countries, such as Brazil, Bolivia, Canada, Colombia, Spain and Mexico.

The meat, smuggled out of the port, would be taken to warehouses, where it would be mixed with halal-certified meat and repacked with fake halal logos, then sold on the market.

Johor police had on Dec 27 received 15 reports regarding the "meat cartel" scandal, which has shocked Malaysians.

Its chief, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, said 13 of the reports were from the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, while the rest were from the Customs Department and a political party.

On Dec 29, several non-governmental organisations lodged police reports urging the authorities to investigate the meat cartel scandal involving the importation of meat with dubious halal status.

Malaysia Muslim Halal Meat Importers Association president Daruk Dr Mohd Noor Ali Akbar said his association and several other NGOs are calling for fast action to be taken in response to public concern over the issue.

ball of RM10,000 each after their remand periods ended yesterday. The suspects, aged between 39 and 50, were remanded for four days starting Monday by the magistrate's court here.

It was recently reported that a cartel had been importing non-

before placing fake halal logos on the meat for local market sale. In another development, four individuals comprising three company directors and a clerk, who were also remanded for four days in connection with the same scandal, were released on MACC

state MACC headquarters about 11pm on Wednesday after they were suspected of accepting bribes for the smuggling activities. On Dec 2, Maqis unearthed the cartel's activities that brought in meat without a halal certificate,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Siasatan sindiket kartel daging sejuk beku import awal Disember lalu

# Dua pegawai Maqis direman lima hari

**OKEN KHAIRUL MOHD ALI**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor ditahan reman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes sindiket kartel daging sejuk beku import yang didedahkan awal Disember lalu.

Kedua-dua mereka yang masing-masing berusia 27 tahun dan 31 tahun ditahan reman selepas disyaki terlibat dengan sindiket berkenaan.

Perintah reman terhadap mereka dikeluarkan Penolong Pendaftar, Nur Izzaty Muhamad Zahari di Mahkamah Majistret Johor Bahru, di sini semalam.

Kedua-dua suspek dipercayai melakukan jenayah berkenaan ketika berkhidmat di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah.

Pengarah Suruhanjaya Pengawasan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor, Datuk Azmi Alias memaklumkan kedua-dua suspek ditahan di Ibu Pejabat SPRM

negeri kira-kira pukul 11 malam tadi.

"Mereka disyaki menerima rasuah bagi aktiviti penyeludupan bahan mentah sejuk beku dari negara yang dilarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

"Mereka ditahan bagi membantu siasatan yang dijalankan pihak berkuasa," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kedua-dua lelaki itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 atas tuduhan menerima rasuah.

Pada 2 Disember lalu, Maqis mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Sementara itu, dalam persembangan berkaitan, empat individu lain melibatkan tiga pengarah syarikat dan seorang kerani yang direman selama empat hari bersabit skandal sama telah dibebaskan hari ini dengan jaminan SPRM selepas tempoh reman tamat.



DUA pegawai Maqis Johor ditahan reman lima hari oleh Mahkamah Majistret Johor Bahru semalam bagi membantu siasatan berhubung kes kartel daging sejuk beku import yang didedahkan Disember lalu.



# Ambil iktibar kes kartel daging import, perkasa sektor halal

Malaysia digemparkan dengan pembongkaran kartel daging import yang diimport dari beberapa negara luar. Ia membuka mata banyak pihak mengenai kepentingan sistem pengurusan rantaian bekalan halal di Malaysia.

Tamparan hebat juga buat Malaysia sebagai hab halal terkemuka dan peneraju sektor itu pada peringkat global.

Sistem pengurusan rantaian bekalan halal yang kompleks memabatkan kos dan komitmen tinggi baik di sektor pembekalan, logistik, pergudangan atau peruncitan.

Ia membuka peluang kepada pihak tidak bertanggungjawab dalam mana-mana bahagian rantaian untuk menawarkan bahan mentah (daging) diragui status halal pada harga lebih murah, berbanding disediakan pembekal yang mempunyai persijilan halal.

Ini mencetus kekeliruan, termasuk kepada peruncit untuk memastikan daging diperoleh bersumberkan pembekal yang mempunyai persijilan halal diiktiraf Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM).

Aktiviti lain dalam rantaian pembekalan juga perlu diurus dan patuh syariah baik ketika penyimpanan, pembungkusan, pergudangan dan pengangkutan untuk mengelak pencampuran daging halal dan tidak halal atau pencemaran silang.

Tidak terhad kepada sektor pembekalan, kompleksiti sistem rantaian bekalan halal juga memberi kesan langsung kepada sektor logistik, termasuk pengangkutan.

Sektor logistik halal perlu memperuntukkan fasiliti khusus seperti stor penyimpanan, pengangkutan dan pengendalian yang hanya terhad kepada produk halal untuk mengelak pencemaran silang.

Perkara ini memerlukan kos tinggi dan tenaga kerja kompeten dalam pengendalian produk halal, terutama bahan mentah seperti daging import yang berisiko tinggi berlaku pencemaran silang ketika penyimpanan dan pengangkutan.

Berdasarkan sumber direktori Perbadanan Pembangunan Halal (HDC), hanya lima syarikat logistik mempunyai persijilan halal JAKIM.

Ini memberi gambaran jelas bahawa kurang kesedaran pihak pengurusan logistik terhadap keselamatan pengurusan produk halal dan keperluan meningkatkan bilangan syarikat logistik halal yang mempunyai persijilan halal.

Cabaran dan tuntutan semasa serta

gaya hidup masyarakat kini yang menggemari produk sejuk beku, makanan segera tetapi segar, serta pesanan dalam talian dan penghantaran terus membuktikan keperluan kepada syarikat logistik patuh syariah turut berkembang.

Walaupun akreditasi persijilan dan logo halal JAKIM diiktiraf dan diterima pakai serata dunia sebagai piawaian persijilan terbaik, JAKIM masih berdepan ancaman perilaku salah oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Satu lonjakan dan pembaharuan drastik perlu dilakukan melalui sistem penguatkuasaan halal dalam ekosistem rantaian pembekalan untuk menjamin tidak berlaku sebarang penyalahgunaan logo halal JAKIM.

Isu permasalahan integriti juga kritikal dihadapi dalam sistem rantaian bekalan halal. Ini terbukti melalui pendedahan mengenai pembabitan beberapa pegawai tertinggi dalam proses kelulusan import.

Kes berkaitan kartel daging benar-benar menjejaskan dan menimbulkan persoalan rakyat kepada nilai integriti pihak berkuasa negara, sekali gus mencalaran reputasi keseluruhan sistem pentadbiran halal negara.

Secara makro, walaupun isu nilai integriti hanya memabatkan beberapa pegawai, keseluruhan organisasi turut terpalit secara tidak langsung dan ia perlu dipandang serius.

Di sebalik cabaran kritikal dihadapi sistem rantaian pembekalan halal daging mentah yang diimport, wujud beberapa peluang penambahbaikan terhadap sistem rantaian sedia ada untuk memastikan kualiti dan jaminan halal produk daging diimport tidak meragukan.

Penggunaan teknologi dalam sistem rantaian bekalan halal penting untuk mengelak berlaku pencabulan terhadap proses persijilan halal oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti berla-

ku dalam kes kartel daging import ini.

Penggunaan kod respon pantas (QR) dalam menggantikan logo dagangan halal dilihat penyelesaian terhadap isu logo halal palsu yang mudah dimanipulasi pihak tidak bertanggungjawab.

Kemudahan penggunaan kod QR membolehkan pengguna atau pembeli mengimbas dan mendapatkan maklumat berkenaan status persijilan halal pembekal, logistik dan peruncit.

Sistem persijilan halal perlu seiring perkembangan teknologi, yang mana penggunaan teknologi dalam kalangan pengguna masa kini dilihat sebagai peluang keemasan kepada JAKIM untuk melangkah seiring perkembangan teknologi.

Kerajaan, terutama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga perlu memainkan langkah penting mengurangkan kebergantungan bekalan daging mentah kepada negara luar.

Ini dapat dicapai dengan mewujudkan skim bantuan terhadap usahawan ternak desa tempatan untuk membabitkan diri dalam proses pembekalan daging mentah kepada sektor runcit dalam negara.

Peluang ini perlu dilihat sebagai langkah serampang dua mata oleh kerajaan untuk memastikan jaminan halal daging mentah dan keselamatan makanan terjamin, dengan mengurangkan kebergantungan bekalan daging mentah import.

Memperbanyakkan pembabitan syarikat Muslim dalam sistem pengurusan pembekalan halal juga dilihat sebagai peluang mengurangkan risiko kefahaman salah laku halal dan meningkatkan keyakinan pengguna.

Isu kartel daging import seharusnya membuka mata kerajaan untuk menstruktur semula pihak berkuasa bertanggungjawab dalam ekosistem pengurusan halal bagi daging import ini.

Ini adalah isu kartel daging import ini perlu dilihat merentasi bukan se-

kadar isu persijilan halal semata-mata, tetapi juga soal integriti pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam tabir urus halal dan berikaitan.

Persoalan bukannya berapa banyak agensi penguatkuasaan terabit dalam pengurusan produk daging halal, tetapi berapa tinggi nilai integriti dimiliki pegawai yang diberi amanah dan tanggungjawab dalam memastikan daging mentah diimport mematuhi piawaian halal ditetapkan.

Di luar batas pemikiran apabila isu kartel daging import berleluasa selama hampir berdekad tanpa dapat dikesan seorang pegawai yang memegang amanah.

Oleh itu, kerajaan perlu melihat isu integriti dalam kalangan pegawai awam sebagai peluang memberi latihan dan seminar berkala untuk memantapkan nilai integriti.

Lantikan pegawai memegang amanah bukan sahaja terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan meluas mengenai piawaian persijilan halal, tetapi juga mahir mengenai proses *input-output* dan aktiviti teknikal dalam sistem rantaian pembekalan daging.

Semua inisiatif ini penting untuk memulihkan imej agensi kerajaan terabit, sekali gus mengembalikan keyakinan awam dan antarabangsa terhadap kesungguhan kerajaan dalam memastikan isu kartel daging import tidak berulang pada masa hadapan.

Tuntasnya, cabaran dihadapi pihak pemegang taruh dalam pengurusan rantaian bekalan halal, terutama sektor makanan seperti produk daging mentah akan sentiasa wujud selari perkembangan zaman apabila kesedaran pengguna terhadap kepentingan keselamatan makanan halal semakin meningkat.

Halal juga melambangkan dan boleh dizahirkan sebagai pencapaian piawaian kualiti sesuatu produk makanan.

Akan tetapi, cabaran yang wujud perlu dilihat sebagai peluang keemasan untuk pemegang taruh meningkatkan piawaian kualiti dan jaminan keselamatan produk makanan halal, sekali gus membuka mata dunia terhadap kesungguhan kerajaan Malaysia untuk bergelar sebagai hab halal terkemuka global.

*Dr Mohd Nizam* adalah Profesor di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), manakala *Dr Ariff Azy* adalah penyelidik di fakulti sama



**Kerajaan, terutama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga perlu memainkan langkah penting mengurangkan kebergantungan bekalan daging mentah kepada negara luar. Ini dapat dicapai dengan mewujudkan skim bantuan terhadap usahawan ternak desa tempatan untuk membabitkan diri dalam proses pembekalan daging mentah kepada sektor runcit dalam negara.**

# Syarikat guna logo JAKIM dibatalkan rugi RM1.49 juta

**Shah Alam:** Sebuah syarikat mengalami kerugian hampir RM1.49 juta apabila produk mi segera keluarannya disita penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menerusi satu operasi di Rawang, kelmarin.

Dalam operasi pada jam 12 tengah hari itu, produk mi segera berkenaan disita selepas syarikat didapati ingkar arahan penguat kuasa logo Halal JAKIM yang sudah dibatalkan.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikri Azan Abdullah, berkata operasi berkenaan membabitkan sejumlah anggota penguat kuasa dari pejabat KPDNHEP Shah Alam di sebuah premis memproses makanan segera di kawasan perindustrian Taman Industri Integrasi Rawang.

Katanya, premis berkenaan disertu selepas pemantauan yang

dijalankan sejak sebulan lalu yang mana pihaknya mendapati syarikat berkenaan masih menggunakan logo Halal JAKIM yang sudah dibatalkan.

“Difahamkan, penggunaan logo halal dibatalkan atas alasan operasi syarikat itu gagal mematuhi standard pemegang sijil halal seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) antaranya keadaan premis yang kotor dan bahan mentah diletakkan atas lantai kilang.

“Ketika serbuan dijalankan, pasukan menemui sejumlah 1,128,872 pek mi segera pelbagai perisa siap dibungkus menggunakan logo halal.

“Turut ditemui adalah sejumlah 258 gulung dan 2,696,000 unit plastik pembungkus dan hampir 42,000 unit kotak pembungkus yang menggunakan logo halal,” katanya dalam kenya-



**Penguat kuasa KPDNHEP menyita** premis hasilkan produk mi segera di kawasan perindustrian Taman Industri Integrasi Rawang, semalam.

(Foto ihsan KPDNHEP Selangor)

taan semalam.

Beliau berkata, ketika serbuan, penguat kuasa turut menemui wakil syarikat dan dimaklumkan bahawa syarikat sudah membuat permohonan rayuan ke atas penarikan sijil halal namun ditolak oleh pihak JAIS berikutan jer- dapat teguran yang dibuat gagal

diambil tindakan sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihaknya.

Katanya, kes akan disiasat mengikut Perenggan 4 Perintah Perihal Dagangan (TAKRIF Halal) 2011 dan Peraturan 4 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

# Pupuk minat industri ternak sejak peringkat sekolah

Baru-baru ini, rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam dikejutkan dengan isu daging import yang bercampur dan diragui status halalnya.

Pelbagai spekulasi timbul, cerita antara benar dan palsu juga tersebar luas, ada jabatan kerajaan yang tak lena tidur dibuatnya.

Hakikatnya, semua ini menunjukkan betapa umat Islam di Malaysia amat mengambil berat tentang isu halal haram terutamanya yang membabitkan makanan. Ini satu sikap yang amat terpuji dan bertepatan dengan kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya.

Hikmahnya pula, rakyat mula memilih untuk mengutamakan daging tempatan. Harga daging tempatan yang biasanya sedikit tinggi sudah tidak menjadi isu. Yang penting status halal terjamin.

Sebenarnya daging tempatan sangat sedikit dan tidak mampu menampung keperluan penggunaan daging negara.

Statistik pada 2018 yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menunjukkan bahawa pengeluaran daging lembu tempatan adalah sebanyak 46,923.6 tan metrik, sedangkan penggunaannya pula mencecah 205,062.2 tan metrik.

Ini menunjukkan pengeluaran daging lembu tempatan hanya dapat menampung 10.95 peratus sahaja daripada penggunaan, manakala selebihnya iaitu 89.06 peratus masih diimport.

Sama seperti lembu, pengeluaran daging-kambing dan bebiri tempatan juga sangat rendah berbanding import. Dari-pada jumlah penggunaan 40,500.1 tan metrik, pengeluaran daging kambing tempatan hanya 4,433.7 tan metrik sahaja, yang hanya dapat menampung 22.88 peratus daripada keperluan pasaran.

Dengan kata lain, statistik itu menunjukkan betapa besarnya peluang yang ada untuk kita rakyat menceburi bidang penternakan.

Untuk lebih jelas lagi, mari kita baca nombor terlibat dalam bentuk bilangan haiwan. Jika diambil purata berat seekor lembu 900 kilogram (kg), maka bilangan lembu yang masih perlu diternak bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan adalah sebanyak 527,195 ekor, manakala kambing pula sebanyak 721,328 ekor. Bayangkan berapa ramai usahawan ladang yang boleh dilahirkan bagi mencapai angka itu.

Malangnya bidang penternakan bukannya pilihan kerjaya anak-anak muda negara kita, tidak kira tahap pendidikan mereka.

Sehinggalah jika ada graduan yang mengusahakan industri perladangan dan penternakan, terus dia menjadi tular dan popular, seakan-akan perkara itu satu keajaiban.

Mungkin antara satu sebab perkara ini berlaku adalah kurangnya pendedahan anak-anak muda terhadap potensi industri penternakan, khususnya di pe-

ringkat persekolahan menengah.

Pada pendapat saya, pelajar sekolah menengah sudah boleh diperkenalkan kepada industri penternakan dan perladangan. Jangan hadkan program lapangan ke pusat sains, muzium dan Putrajaya sahaja.

Bawa murid ini melawat ladang. Beri mereka peluang 'berkenalan' dengan lembu, kambing dan ayam. Beri mereka pengalaman memerah susu kambing, memungut telur puyuh dan menghalau itik masuk reban.

Detahkkan mereka kepada industri dan teknologi berkaitan penternakan. Bawa mereka ke makmal biogenetik untuk melihat kajian berkaitan baksa, kawalan penyakit dan teknologi makanan.

Boleh juga bawa mereka ke pusat penyembelihan berdaftar yang bersih, lengkap dan berteknologi tinggi. Perusahaan daging sejuk beku juga satu bidang yang menarik untuk diberi pendedahan.

Melangkah setapak lebih jauh, saya berpandangan koperasi sekolah juga perlu berani menceburkan diri dalam industri penternakan. Seperti mana yang kita maklum, koperasi sekolah adalah medan untuk murid belajar mengenai perniagaan, pelaburan, saham dan untung rugi.

Jika kini sudah ada koperasi sekolah yang meneroka bidang selain peruncitan, seperti perortakan, pelancongan dan inap desa, kenapa tidak koperasi memanfaatkan kawasan hujung padang

sekolah untuk aktiviti penternakan seperti arnab, burung puyuh ataupun ayam yang diternak secara lepas bebas.

Malah, tidak mustahil juga untuk koperasi mengusahakan penternakan lembu dan kambing.

Sebagai ahli koperasi sekolah, pelajar yang berminat boleh membantu menguruskan ladang koperasi secara amali, terutamanya pada waktu petang ataupun semasa hari minggu. Dari sudut jangka pendek, pelajar akan memperoleh pengalaman. Koperasi pula berpotensi mengaut keuntungan hasil jualan ternakan.

Namun, dari sudut jangka panjang, pelajar terbabit terbuka minda mereka ke arah industri perladangan dan penternakan, sekali gus mereka mempunyai pilihan apabila tamat belajar di universiti nanti sama ada untuk mencari kerjaya dalam bidang dipelajari atau kembali menceburkan diri secara profesional dalam bidang penternakan yang mereka minati.

Akhirnya, selain potensi keuntungan yang besar, mereka akan mendapat pahala berganda kerana melaksanakan faridu kifayah iaitu membekalkan daging yang berstatus halal lagi suci kepada umat Islam seluruh Malaysia.

Nor Azam Abdullah,  
Pengetua Sekolah Berasrama Penuh  
(SBP) Integrasi Rawang